

12/10/1997

Gerakan kenal pasti calon

BERUAS: Parti Gerakan sudah menetapkan calonnya untuk bertanding bagi mewakili Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap, berikutan kematian bekas wakil rakyat kawasan itu, bulan lalu.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata calon yang dilantik ialah anak tempatan yang dipilih daripada beberapa calon yang disenaraikan oleh parti itu.

"Bagaimanapun, nama calon terbabit akan dibincangkan terlebih dahulu dengan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum diumumkan sedikit masa lagi," katanya kepada pemberita selepas melawat Kampung Paya Lima, dekat sini, semalam.

Dr Lim berkata, pihaknya menjangka calon BN akan mendapat tentangan hebat daripada calon pembangkang iaitu DAP yang dipercayai akan memperjuangkan isu tertentu seperti kejatuhan nilai ringgit dan masalah jerebu yang melanda negara kini.

(END)